DATO' IDRIS JUSOH

lwn.

DATO' SERI TUAN GURU HJ ABDUL HADI AWANG & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI, KUALA TERENGGANU
AHMAD MAAROP H
[GUAMAN SIVIL NO. 22-03-2004]
18 FEBRUARI 2004

TORT: *Fitnah - Penyiaran kata-kata fitnah dalam akhbar - Injunksi interlokutori, permohonan sambil menunggu pelupusan perbicaraan penuh - Sama ada dibuktikan kata-kata fitnah tidak benar - Sama ada dibuktikan pembelaan justifikasi akan gagal*

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi - Injunksi interlokutori - Injunksi untuk menghalang penyiaran kata-kata fitnah sambil menunggu pelupusan perbicaraan penuh tindakan fitnah - Sama ada dibuktikan kata-kata fitnah tidak benar - Sama ada dibuktikan pembelaan justifikasi akan gagal*

Plaintif seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO mendakwa bahawa defendan pertama seorang menteri besar negeri Terengganu dan presiden Parti Islam Malaysia telah melafazkan perkataan-perkataan fitnah berkenaan beliau dan perkataan-perkataan fitnah tersebut telah disiarkan dalam akhbar-akhbar keluaran defendan-defendan termasuk laman internet ('terbitan-terbitan tersebut'). Plaintif mendakwa bahawa dengan terbitan-terbitan tersebut defendan-defendan berkonspirasi untuk memusnahkan kerjaya politik beliau. Plaintif memperolehi injunksi interlokutori *ex parte* terhadap defendan-defendan sementara menunggu pelupusan perbicaraan penuh writ saman plaintif terhadap defendan-defendan. Ini adalah permohonan *inter partes* injunksi tersebut.

Diputuskan (menolak permohonan):

[1] Dalam tindakan fitnah, injunksi interlokutori tidak akan diberikan terhadap defendan jika defendan ingin memplidkan pembelaan justifikasi, "fair comment" atau "privilege", kecuali perkataan-perkataan yang didakwa sebagai fitnah itu secara jelasnya adalah tidak benar, atau jika plaintif telah memuaskan hati mahkamah bahawa pembelaan itu akan gagal. (ms 753 a)

[2] Plaintif perlu membuktikan bahawa tujuan dominan konspirasi yang didakwa plaintif wujud di antara defendan-defendan ialah untuk memusnahkan reputasi dan kerjaya politik beliau. Tetapi sebelum perkara konspirasi itu dapat dibuktikan plaintif hendaklah terlebih dahulu membuktikan bahawa perkataan-perkataan yang dituturkan oleh defendan pertama (yang menjadi asas kepada konspirasi yang didakwa itu) adalah bersifat fitnah dan bahawa perkataan-perkataan sebenar yang dituturkan oleh defendan pertama itu telah disiarkan dengan tepat oleh defendan-defendan lain. (ms 762 c-e)

[3] Ketepatan kandungan terbitan-terbitan tersebut tanpa sumber-sumber lain yang menyokong atau mempertahankannya adalah diragukan, goyah dan tidak selamat digunakan untuk membuat keputusan tentang perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama. Tambahan pula dalam proses rantaian berita itu di karang, diedit dan seterusnya dicetak dan diterbitkan, kemungkinan apa yang sebenarnya dituturkan oleh defendan pertama telah diubahsuai dan ditokok tambah untuk menambah sensasi atau kehangatan kepada laporan itu, tidak dapat diketepikan. (ms 765 e-f)

[4] Persoalannya ialah apakah perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama pada masa material itu. Ini telah tidak dibuktikan oleh plaintif. Perkara asas kepada permohonan plaintif ialah pembuktian mengenai perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama. Jika perkara asas itu tidak dibuktikan atau diragukan atau goyah kedudukannya dan tidak selamat digunakan, maka tiada kesimpulan yang boleh dibuat bahawa terdapat konspirasi sepertimana yang didakwa plaintif. (ms 767 f-h & 768 a)

[5] Bagi kausa tindakan fitnah, oleh kerana perkara asas iaitu ketepatan terbitan-terbitan tersebut telah tidak dibuktikan atau diragukan atau goyah kedudukannya dan tidak selamat digunakan, maka tiada kesimpulan yang boleh dibuat bahawa perkataan-perkataan yang didakwa adalah jelas tidak benar. Atas alasan yang sama juga, tiada kesimpulan boleh dibuat bahawa pembelaan justifikasi akan gagal. (ms 768 b)

Kes-kes yang dirujuk:

Bonnard v. Perryman [1892] 1892-1 Ch 571 ***(refd)***

Datuk Syed Kechik Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pau Tzu [1977] MLJ 56 ***(refd)***

Gulf Oil Ltd v. Page [1987] 1 Ch 327 ***(foll)***

Ibrahim Ali & Yang Lain v. Utusan Melayu (M) Bhd & Yang Lain [1991] 2 CLJ 1318; [1991] 1 CLJ (Rep) 618 HC ***(refd)***

Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik [1997] 5 MLJ 523 ***(refd)***
Millangos v. George Frank (Textiles) Ltd; Same v. Same [1975] 2 WLR 555 ***(refd)***
National Sugar Mill v. Ashutosh AIR [1962] Cal 27 ***(refd)***
PP v. Datuk Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(refd)***
Samont N Balakrisna v. George Fernandez [1969] 3 SCR 603 ***(refd)***
The New Straits Times Press (M) Bhd v. Air Asia Bhd [1987] 1 MLJ 36 ***(refd)***
Quartz Hill Consolidated Gold Mining Co v. Beall [1891] 1891-2 Ch 269 ***(refd)***
Worker's Party v. Tay Boon Too [1975] 1 MLJ 47 ***(refd)***
Worker's Party v. Tay Boon Too [1975] 2 MLJ 124 ***(refd)***

Sumber-sumber yang dirujuk:
Kamus Dewan, Cetakan Pertama 1970, ms 129, 782

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop H:
Plaintif adalah Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan memegang jawatan-jawatan berikut:

(a) Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Terengganu,

(b) Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH),

(c) Ketua UMNO Bahagian Besut.

Dari tahun 1995-1999, plaintif juga adalah Ahli Parlimen untuk kawasan Besut dan memegang jawatan Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan.

Defendan pertama adalah Menteri Besar Negeri Terengganu dan Presiden Parti Islam SeMalaysia (PAS).

Dalam afidavitnya (kandungan 2B) yang menyokong permohonannya dalam kandungan 2, plaintif mengikrarkan bahawa defendan kedua adalah Setiausaha Agong Parti PAS, yang merupakan pemilik dan penerbit akhbar HARAKAH, sebuah akhbar yang mempunyai edaran yang luas ke seluruh negara. Plaintif juga telah mengikrarkan bahawa defendan ketiga adalah pengarang akhbar HARAKAH dan defendan keempat adalah pencetak akhbar "HARAKAH".

Plaintif juga mengikrarkan bahawa defendan kelima adalah pengarang akhbar "WARTA DARUL IMAM", sebuah akhbar yang mempunyai edaran luas ke seluruh Negeri Terengganu. Plaintif mengikrarkan bahawa defendan keenam adalah pencetak akhbar WARTA DARUL IMAN.

Plaintif mengikrarkan bahawa pada atau sekitar 1 Januari 2004 di Wisma Darul Iman, defendan pertama, dengan kehadiran ramai para pendengar yang nama mereka tidak diketahui, (termasuk wartawan-wartawan) telah melafazkan perkataan-perkataan fitnah berkenaan dengan beliau dan perkataan-perkataan fitnah yang sama telah diterbitkan dalam akhbar FIKRAH HARAKAH keluaran HARAKAH bertarikh 18 Januari 2004-31 Januari 2004. Satu salinan artikel-artikel dalam akhbar tersebut telah dikemukakan sebagai eks. IJ1, kandungan 2B.

Plaintif mengikrarkan bahawa perkataan-perkataan fitnah yang sama juga telah dicetak dan disiarkan oleh defendan kelima dan keenam dalam WARTA DARUL IMAN. Salinan artikel tersebut dalam WARTA DARUL IMAN telah dikemukakan sebagai eks. IJ2, kandungan 2B.

Plaintif mengikrarkan bahawa artikel WISMA DARUL IMAN tersebut juga telah diterbitkan di dalam laman internet melalui http:/ www.terengganu.gov.my. Laman internet tersebut telah disediakan oleh dan/atau disebabkan pengedarannya oleh defendan kelima dan/atau agennya. Laman tersebut pada setiap masa yang material dibuka untuk dilayari oleh mana-mana pengguna laman web yang dikenali sebagai "WORLD WIDE Web (www). Sesalinan laman tersebut dikemukakan sebagai eks. IJ3, kandungan 2B.

Plaintif mendakwa bahawa perkataan-perkataan fitnah yang dituturkan oleh defendan pertama pada atau sekitar 1 Januari 2004 itu dan yang telah disiarkan dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3 adalah merujuk kepada dan difahamkan merujuk kepadanya. Sehubungan ini, plaintif mendakwa bahawa dalam makna biasa dan lazimnya, perkataan-perkataan dan/atau ayat tersebut bermakna atau difahamkan sebagai memberi makna, atau secara tersirat menuduh:

(a) bahawa beliau adalah seorang yang tidak jujur,

(b) bahawa beliau adalah seorang yang mengamalkan rasuah (corrupt) dan mudah rosak akhlak (corruptible),

(c) bahawa beliau adalah seorang yang hipokrit,

(d) bahawa beliau telah menyalah-gunakan kedudukan beliau untuk mendapatkan projek-projek tersebut untuk kepentingan beliau sendiri dan atau syarikat kepunyaan keluarga beliau,

(e) bahawa atas kedudukan dan jawatan yang dipegang oleh beliau dalam parti UMNO, parti UMNO adalah curang (corrupt) dan mudah rosak akhlak (corruptible).

Selanjutnya, dan secara alternatifnya plaintif mendakwa bahawa perkataan-perkataan fitnah dan/atau ayat-ayat tersebut adalah dimaksudkan untuk memperkecilkan beliau dalam jawatan-jawatan beliau seperti berikut:

(a) perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat telah disiarkan bagi tujuan merosakkan keboleh-percayaan dan reputasi beliau sebagai seorang ahli politik;

(b) perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat telah disiarkan bagi tujuan mengorkestrakan (orchestrates) satu skandal awam terhadap beliau;

(c) perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat telah disiarkan bagi tujuan menjatuhkan taraf beliau dan menyebabkan kebencian dan penghinaan terhadap beliau;

(d) perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat telah disiarkan bagi tujuan memusnahkan kedudukan politik beliau, terutamanya kerjaya politik beliau di Negeri Terengganu; dan

(e) atas sebab-sebab (a) hingga (d) di atas, perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat telah juga disiarkan bagi tujuan memperkecilkan dan merendah-rendahkan parti UMNO di kalangan masyarakat awam, terutamanya kedudukan politik UMNO dan beliau sendiri.

(f) perkataan-perkataan tersebut adalah palsu dan telah disiarkan dan/atau diterbitkan dengan niat jahat.

(g) Tidak ada siapapun di antara defendan-defendan yang telah pada bila-bila masa menghubungi beliau mengenai mana-mana "pengataan-pengataan defendan pertama dan perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat dalam artikel-artikel tersebut.

Plaintif juga mendakwa bahawa atas tindakan-tindakan defendan-defendan seperti yang tersebut di atas, defendan telah membuat dan melanjutkan konspirasi untuk memusnahkan kerjaya politik beliau. Butir-butir untuk menyokong dakwaan ini telah dinyatakan oleh plaintif, di perenggan 12(a) hingga (i), kandungan 2B.

Plaintif seterusnya mendakwa bahawa perbuatan-perbuatan defendan-defendan, apabila diambil secara keseluruhannya merupakan satu rancangan atau konspirasi yang sistematik untuk memusnahkan watak, reputasi dan kerjaya politik beliau.

Plaintif mendakwa bahawa defendan pertama tidak pernah menafikan kandungan artikel-artikel tersebut tetapi hanya mengatakan bahawa dia adalah bersedia untuk membuat pembelaan terhadap tindakan yang akan diambil oleh beliau. Oleh yang demikian, plaintif dengan sesungguhnya percaya bahawa perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat tersebut adalah dibuat atau diterbitkan secara sistematik dalam konspirasi yang bertujuan untuk menyebabkan kerosakan kepada beliau.

Plaintif juga mengikrarkan bahawa oleh sebab penyiaran perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat tersebut, maka beliau telah mengalami kerosakan terhadap keboleh-percayaan, kewibawaan dan reputasi dan dalam jawatan-jawatan yang dipegang oleh beliau. Beliau juga telah diheret ke dalam skandal awam, kebencian dan penghinaan dan tersinggung perasaan beliau. Penyiaran perkataan-perkataan dan/atau ayat-ayat tersebut telah juga menjatuhkan taraf beliau dalam pemikiran wajar semua orang amnya.

Plaintif telah memfailkan writ saman (kandungan 1) pada 21 Januari 2004. Pada tarikh yang sama juga plaintif telah memfailkan Sijil Perakuan Segera (kandungan 2A) dan saman dalam kamar (*ex parte*) (kandungan 2) untuk mendapatkan injunksi interlokutori seperti prayer (a), (b), (c) dan (d) kandungan 2.

Pada 25 Januari 2004, setelah mendengar permohonan plaintif tersebut secara *ex parte* mahkamah ini telah memberikan perintah injunksi seperti kandungan 4.

Dalam permohonan untuk injunksi *inter partes* ini, plaintif memohon supaya injunksi interlokutori diberikan terhadap kesemua defendan, sementara menunggu pelupusan perbicaraan penuh writ saman (kandungan 1).

Peguam defendan-defendan pula dalam hujahnya memohon supaya permohonan plaintif ditolak, injunksi *ex parte* dibatalkan (walaupun tidak ada permohonan dibuat oleh defendan-defendan untuk mengenepikan injunksi *ex parte* itu), dan perintah untuk taksiran ganti rugi dibuat.

Persoalan Yang Perlu Diputuskan

Persoalan yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini ialah sama ada injunksi interlokutori yang dipohon dalam permohonan *inter partes* ini patut diberikan.

Kedudukan Undang-Undang

Dalam tindakan fitnah, injunksi interlokutori tidak akan diberikan terhadap defendan, jika defendan ingin memplidkan pembelaan justifikasi, "fair comment" atau "privilege", kecuali perkataan-perkataan yang didakwa sebagai fitnah itu secara jelasnya adalah tidak benar (obviously untruthful), atau jika plaintif telah memuaskan hati mahkamah bahawa pembelaan itu akan gagal. Ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Agong dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Air Asia Bhd* [1987] 1 MLJ 36, di ms 38-39:

> In *Bonnard v. Ferryman,* Lord Coleridge CJ delivering the. judgment of the Court in which Lord Esher MR, and Lindley, Bowen and Lopes LJJ concurred, emphasised that:
>
> > The right of free speech is one which it is for the public interest that individuals should possess, and indeed, that they should exercise without impediment, so long as no wrongful act is done; and, unless an alleged libel is untrue, there is no wrong committed; but, on the contrary, often a very wholesome act is performed in the publication and repetition of an alleged libel. Until it is clear that an alleged libel is untrue, it is not clear that any right at all has been infringed; and the importance of leaving free speech unfettered is a strong reason in cases of libel for dealing most cautiously and warily with the granting of interim injunctions. We entirely approve of, and desire to adopt as our own, the language of Lord Esher, M.R. in *Coupon v. Coulson* – To justify the Court in granting an interim injunction it must come to a decision upon the question of libel or no libel, before the jury have decided whether it was a libel or not. Therefore the jurisdiction was of a delicate nature. It ought only to be exercised in the clearest cases, where any jury would say that the matter complained of was libellous, and where, if the jury did not so find, the Court would set aside the verdict as unreasonable.
>
> *Bonnard'* case and *Monson v. Tussauds Ltd.* [1894] 1 QB 671 were followed in *Crest Homes Ltd. v. Ascott* [1980] FSR 396 where the trial Judge granted an interlocutory injunction against the defendant who said that he would justify the assertions. Allowing the appeal and discharging the injunction, the Court (CA) held:
>
> (1) There was no reason to depart from the general rule that an interlocutory injunction will not be granted against a defendant in a libel action if he intends to plead justification unless the plaintiff can prove that the statement is untrue;

(2) The plaintiff had not shown that the defendant's statement was untrue.

Lord Justice Geoffrey Lane, sitting with Lord Denning M.R. and Lord Justice Stephenson, stated that:

> the line of authority is long and weighty that interlocutory injunctions in these cases will not be granted unless the plaintiff shows that the defence of justification will not succeed.

Authorities do also show that the principle that there shall be no interim injunction if defence is raised "applies not only to the defence of justification" *(Bonnard v. Ferryman)*, "but also to the defence of privilege" *(Quartz Hill Consolidated Gold Mining v. Beall* [1882] 20 Ch D 501), and "fair comment" *(Fraser v. Evans & Ors)*. In accordance with the long established practice in defamation action, the principles enunciated by the House of Lords in *American Cyanamid v. Ethicon Ltd* [1975] AC 396 Relating to interim injunctions are not applicable in action for defamation. *(Herbage v. Pressdram Ltd* [1984] 1 WLR 1160, 1162).

In our judgment the learned Judge had erred in law when he exercised the power to grant interlocutory injunction contrary to the established principle governing the issue of interim injunctions in libel actions. He should not therefore have granted the interim injunction against a defendant who has specifically pleaded justification and had raised as a defence of fair comment on a matter of public interest.

... In applying these principles, value is placed by the Court upon the freedom of speech which is related to the freedom of the press when balancing it against the reputation of a single individual who, if wronged, can be adequately compensated in damages. *The Court should act cautiously in granting interim injunction to restrain publication of an alleged defamatory statement. In fact it should not grant the injunction where the defendant says he is going to justify it at the trial of the action except where the statement is obviously untruthful or where the plaintiff has satistied the Court that the defence will fail.* That was made clear by Denning MR in *Harakas v. Baltic Exchange* [1982] 2 All ER 701, 703. (Tekanan ditambah)

Sebab bagi prinsip sedemikian telah dijelaskan oleh Mahkamah Agong di ms 39:

> The principle has clearly emerged by reason of the fact that the questions of libel or no libel are eminently matters to be decided on facts at the trial and there is **also the question of the proper meaning to be assigned to the words used in a particular statement.** To restrain a defendant before the questions are determined would amount to fettering with free speech. Indeed it is because of the importance of leaving free speech unfettered that the Court must be slow in issuing interim injunction in a libel action.

Adalah menarik diperhatikan bahawa di India, dalam kes *National Sugar Mill v. Ashutosh* AIR [1962] Cal 27, selepas menjelaskan prinsip di England seperti yang diputuskan dalam kes-kes *Quartz Hill Consolidated Gold Mining Co. v. Beall* [1891] 1891-2 Ch. 269 dan *Bonnard v. Perryman* [1892] 1892-1 Ch 571, GK Mitter J menyatakan di ms 33:

> (29) The result of the English authorities is that before the Court can be called upon to exercise its jurisdiction on an interlocutory application to grant the injunction, it must be satisfied that the plaintiff has made out a *prima facie* case that the libel is untrue. If the Court has materials before it to take the view that the defendant may be able to prove the truth of the libellous statement at the trial, it ought not to exercise the jurisdiction. In England, the position is further complicated by reason of the fact that the determination of the question – libel or not libel – rests with the jury and not with the Court. The Court can only set aside the vendict of the jury if it is palpably unreasonable. Secondly, where the question turns upon the plaintiff's character, then no satisfactory conclusion can be arrived at on the affidavits and the parties must wait until the trial takes place before an injunction can be granted.
>
> (30) The decisions of the English Courts of Appeal though not binding on me are entitled to great respect, and I should not depart from the principles laid down repeatedly by learned Judges of the Court of Appeal in England unless satisfied that our law was clearly otherwise. *In India we have no system of trial of questions of fact by the jury. The Judge has to decide the facts and to take the law into consideration while so doing. On the facts before me and specially in view of the books of account and the documents produced before me, I have no hesitation in coming to the conclusion that prima facie when the plaintiff charged more than Rs. 45/- per maund for sale of a quantity of sugar, it issued a supplementary bill to cover the difference between the price actually charged and that of Rs. 457- per maund. What took place on the floor of the Assembly on March 26, 1960 is a matter of no consideration before me. I can only go by the facts which have been brought out in the affidavits and by the documents disclosed.* No suggestion was made that the documents relied on by the plaintiff are forged and indeed it would be difficult to conclude that the plaintiff's cash book produced in court or the conterfoils of the receipt books disclosed are forgeries. As I have already stated, if a single purchaser had come and affirmed an affidavit to the effect that he had been charged at a rate exceeding Rs. 45/- and was given only one receipted bill showing payment at that rate, I might have doubted the veracity of the plaintiff's secretary. (Tekanan ditambah)

Dalam kes *Ibrahim Ali & Yang Lain v. Utusan Melayu (M) Bhd & Yang Lain* [1991] 2 CLJ 1318; [1991] 1 CLJ (Rep) 618, Abdul Razak H telah menyarankan bahawa adalah perlu disemak kembali hak mahkamah untuk memberikan injunksi sementara bagi menahan seseorang itu membuat kata-kata fitnah itu sebelum dibicarakan:

> Saya rasa perlu disemak kembali hak mahkamah mengenakan injunksi sementara bagi menahan seseorang itu membuat kata-kata fitnah itu sebelum perkara itu dibicarakan.

Hakim Yang Arif itu juga telah menjelaskan sebab-sebab kenapa mahkamah perlu berhati-hati dalam menimbangkan permohonan untuk injunksi sementara:

> Dari kata-kata itu kita harus menerima hakikat bahawa ada dua sebab yang penting di England kerana apa sesuatu injunksi sementara itu perlu dikenakan dengan berhati-hati oleh mahkamah. Pertama, hak kebebasan seseorang itu bercakap adalah penting bagi muslihat umum diperlindungi. Kedua, sama ada sesuatu kenyataan yang dibuat itu fitnah yang tidak benar adalah soal fakta yang pihak Jury sahaja yang boleh membicara dan menentukan. Kes *Bonnard* itu telah diikuti oleh kes-kes yang lain yang memberi pendapat yang agak serupa. Lord Denning di dalam kes *Crest Homes Ltd. lwn. Ascott* (DFSR Jilid 6 1980 m. 398) berkata:
>
> > An interlocutory injunction will not be granted in a libel case where the defendant says he is going to justify.
>
> Stephenson LJ di dalam kes itu juga berkata:
>
> > The general rule that a defendant who intends to plead justification will not be restrained from publishing a libel **unless the plaintiff can prove that the libel is untrue**. (Tekanan oleh saya)
>
> Geoffrey Lane LJ berkata:
>
> > The line of authority is long and weighty that interlocutory injunction in these cases will not be granted **unless the plaintiff shows that the defence of justification will not succeed**. (Tekanan oleh saya)

Seterusnya Hakim Yang Arif itu kemudiannya telah merujuk kepada penghakiman oleh Abdul Hamid, Pemangku Ketua Hakim (pada ketika itu) di dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd. lwn. Air Asia Bhd.* [1987] 1 MLJ 36, dan berkata:

Di dalam menyarankan pendapatnya Abdul Hamid, Pemangku Ketua Hakim telah merujuk kepada kes-kes *Bonnard, Crest Homes, Monson lwn. Tussauds* dan *Quartz Hill Consolidated Gold Mining lwn. Beall* yang menyerapkan prinsip yang sama yang berasaskan kepada kes *Bonnard* yang disebut di atas.

Sebaliknya di dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pau Tzu* [1977] MLJ 56 Yusoff J (pada ketika itu) pula berpendapat (untuk menentukan sama ada injunksi sementara itu perlu dikenakan) bahawa prinsip *Cyanamid*, yang tidak asing lagi itu harus digunakan, iaitu sama ada satu soal penting harus dibicarakan, sungguhpun prinsip ini tidak diterima di England di dalam kes-kes libel. Prinsip yang berasaskan kepada "kenyataan itu sesungguhnya tidak benar" dan "di dalam pembelaan itu akan gagal" oleh kes *New Straits Times* itu ada juga prinsip yang diutarakan di dalam kes *Crest Homes* oleh Stephenson LJ dan Geoffrey Lane LJ. Saya tidak nampak ada perbezaan antara kedua prinsip itu, kerana kalau tuduhan itu sesungguhnya tidak benar seharusnya pembelaan itu tidak wujud lagi dan sebaliknya. Satu kesimpulan boleh dibuat daripada kes *New Straits Times* itu. Oleh kerana ia adalah tertentu kepada keadaan di mana kerugian itu boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak, bermakna, jika kerugian itu tidak dapat dipulihkan, kes itu tidak berkenaan dan boleh dibezakan. Sama ada sesuatu dakwaan itu jelas tidak benar adalah soal fakta yang seharusnya ditentukan mengikut keadaan yang wujud di sekeliling. Seperti mana saya tegaskan, kes *New Straits Times* itu adalah tertentu kepada kes-kes di mana kerugian plaintif itu boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak. Bermakna jika ini tidak boleh dilakukan, injunksi boleh dikenakan. Di dalam hal ini kita harus ingat kecelaan terhadap maruah dan nama baik seseorang itu boleh membinasakan seseorang lebih dari kerosakan yang ditimpa terhadap harta bendanya. Lord Halsbury di dalam kes *Monson,* berkata:

> I should have thought the protection of a man's character much more important than the protection of his trade (m 691).

Kita bayangkan keadaan-keadaan seperti ini:

(a) B menuduh A, seorang yang mempunyai maruah dan martabat yang tinggi dan amat dihormati oleh orang ramai, sebagai seorang pembunuh. Tidak ada laporan dibuat ke pihak polis atas tuduhan itu. Memadailahkan dengan akuan defendan akan membuktikan tuduhannya itu sahaja injunksi tidak dibenarkan, sungguhpun kerugian yang akan ditimpa tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak sahaja, jika defendan didapati bersalah.

(b) B berkata A, seorang yang kaya raya, yang kewibawaannya yang tidak pernah dipertikaikan, mendapati kekayaannya dengan mengedar dadah. Adakah dakwaan ini boleh diterima, semata-mata atas akuan defendan bahawa ia akan membuktikan dakwaan itu di hari perbicaraan nanti, kalau difikirkan kerugian plaintif tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak. Kerana akibatnya boleh memusnahkan perniagaan seseorang yang tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak sahaja.

(c) B menuduh A, seorang Imam yang alim dan mempunyai hemat yang disanjung tinggi oleh masyarakat berzina dengan seorang gadis, adakah ini boleh diterima semata-mata atas akuan defendan ia akan membuktikan aduannya, jika akibatnya itu tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak sahaja.

Di dalam ketiga-tiga keadaan ini sukar sekali hendak dikatakan Mahkamah tidak seharusnya mengambil tindakan menyekat defendan dari terus menyuarakan tuduhannya kerana akibatnya itu sangat merbahaya dan tidak boleh atau sukar sekali hendak dibayar dengan wang ringgit sahaja.

Menyambung pandangan Hakim Yang Arif itu juga mengatakan:

Saya rasa ada eloknya kalau kita meninjau sebagai pendapat sepintas lalu, atas kewibawaan prinsip yang membenarkan seseorang itu membuat tuduhan atas akuannya hendak membuktikannva, dan menyerahkan kepada plaintif pula sebaliknya tugas menyatakan bahawa tuduhan defendan itu tidak benar, kerana mengikut kaedah biasa, sepatutnya orang yang membuat tuduhan itu benar. (he who affirms must prove, s. 101 subs. 2 Evidence Act). Apakah kaedah itu mesti diubah dan bebanan itu dipindah sebaliknya kepada pihak yang kena cela pula membuktikan, semata-mata kerana tuduhan itu dibuat oleh pihak yang mencela. Ini pada hemat saya amat ganjil sekali. Kita harus ingat di England kes-kes kecelaan adalah dibicarakan oleh pihak Jury dan Hakim-Hakim tidak mahu mencampuri tugas pihak Jury sebelum perkara itu dibicarakan. Oleh itu akuan defendan bahawa ia akan membuktikan tuduhannya itu adalah seolah-olah kata hikmat yang mahkamah harus menerima, melainkan jika ada bukti sebaliknya, yang kadang-kadang sukar hendak didedahkan. *Tetapi, di dalam keadaan di mana kes-kes itu dibicarakan di sini oleh Hakim-Hakim sendiri, seharusnya peraturan itu tidak perlu diikuti, bahkan harus diubahsuaikan mengikut keadaan kita sendiri, di mana kata hikmat defendan itu seharusnya tidak berbangkit lagi dan terserah kepada defendan sebaliknya membuktikan bahawa kecelaan itu berasas dan boleh dibuktikan, bukan lagi akan dibuktikan, seperti mana keadaannya sekarang dan soal pihak plaintif membuktikan bahawa tuduhan itu sebenarnya palsu tidak berbangkit lagi. Tidak ada sebab lagi di negara kita tugas itu mesti dipikul oleh pihak plaintif.*

Kita harus ingat, penerimaan Mahkamah Inggeris atas kata hikmat itu adalah berdasarkan dan bergantung kepada hakikat bahawa kebebasan bersuara itu telah beratus-ratus tahun diamalkan dan pihak umum tetap dan sentiasa peka atas kewajipan dan tanggungjawab mereka tidak akan menggunakan hak itu dengan sesuka hati dan sewenang-wenangnya. Ini boleh dikatakan telah menjadi satu tradisi, dan orang Inggeris tebal dengan tradisinva. Hyde Park tidak asing lagi adalah lambang yang menyerlah atas kebebasan bersuara. Pidato-pidatonya menyatakan sesuatunya itu dengan tegas dan lantang sekali baik di dalam apa topic dan perkara pun. Tetapi, platform itu bukan platform untuk menyerang peribadi seseorang.

Sebaliknya kita belum berani lagi mengadakan Hyde park untuk berpidato-pidato. Kita masih membangun. Bilangan penduduknya masih ada yang buta huruf. Kita baharu sahaja lepas dari belenggu penjajahan. Kebebasan bersuara itu tidak pernah dirasai sebelumnya bahkan kini kita sedang belajar menggunakannya. Di dalam keadaan dan suasana itu agak terlalu awal bagi kita menyamakan kedudukan itu dengan taraf kebebasan yang telah dicapai di barat, khususnya di England. (Tekanan ditambah)

Pada hemat saya saranan Abdul Razak H dalam kes itu ada kebenarannya. Tetapi keputusan dalam kes *The New Straits Times v. Air Asia* adalah keputusan Mahkamah Agong yang mengikat mahkamah ini. Dalam hal ini tanggungjawab mahkamah ini adalah jelas. Sehubungan ini dalam kes *Millangos v. George Frank (Textiles) Ltd; Same v. Same* [1975] 2 WLR 555 di ms 564, Lord Denning MR menyatakan:

The judge thought that the *Schorsch Meier* case was not binding on him. If that be so, it is certainly not binding on us. But why was it not binding on him? He was constrained, he said, by the judgment of the House of Lords in *Broome v. Cassell & Co Ltd* [1972] AC 1027. In that case Lord Hailsham of St. Marylebone LC, at p. 1053-54, thought that this court had greatly erred. It had flouted the decision of the House of Lords in *Rookes v. Barnard* [1964] AC 1129. He administered to us a severe rebuke.

In the present case the judge must have thought that in the *Schorsch Meier* case we had fallen into the same error again; and that we had flouted a rule which had been taken for granted for 380 years and accepted by the House of Lords in the *Havana* case [1961] AC 1007. Nothing was further from our intention. It was not our intention in *Broome v. Cassell;* nor was it in *Schorsch Meier. In our system it is of the first importance that the decisions of the House of Lords should be loyally followed and applied by this court and all courts in all cases which they properly govern.* In the *Schorsch Meier* case the majority thought that the *Havana* case did not govern the point: and that it was open to the courts to give judgment in foreign currency. Whether the majority were right in so holding, I would not presume to say. The House of Lords will tell us later. *But whether right*

> *or wrong, it seems to me that once this court has given a decision upon it all lower courts should follow the decision of this court unless and until it is reversed by the House of Lords. In that way any embarrassment will be avoided. In the present case, therefore, the judge ought not to have refused to follow the decision in Schorsch Meier. He should have followed it and left the aggrieved party to appeal.* (emphasis added).

Seterusnya timbul persoalan tentang apakah prinsip yang terpakai jika kausa tindakan dalam tort fitnah tidak ditimbulkan dan plaintif hanya bergantung kepada kausa tindakan dalam tort konspirasi? Dalam pandangan saya, dalam keadaan sedemikian mahkamah perlu berpuashati bahawa terdapat bukan sahaja persoalan undang-undang serius yang perlu dibicarakan, tetapi juga bahawa terdapat satu kes *prima facie* yang kuat untuk membuktikan konspirasi untuk mencederakan (conspiracy to injure). Konspirasi itu adalah konspirasi yang mempunyai tujuan utama atau "dominant" untuk mencederakan plaintif. Ini dijelaskan dalam kes *Gulf Oil Ltd v. Page* [1987] 1 Ch. 327 di mana dalam penghakimannya di ms 332-333, setelah merujuk kepada fakta-fakta. material dalam kes itu, Parker LJ mengatakan:

> In these circumstances there is, in my view, a strong inference that the purpose of the display was simply to inflict upon Gulf the maximum possible damage in its business by way of revenge. *There is thus not merely a serious question to be tried, but a strong prima facie case in conspiracy to injure.* (Tekanan ditambah)

Pandangan itu dikuatkan lagi dengan apa yang ditegaskan oleh Parker LJ di ms 334:

> *Where, however, it is not asserted that there is any cause of action in libel and the plaintiff relies on conspiracy only, then the court needs only to be satisfied that there is a serious question on combination and intention to injure to be tried.* Very often there may not be, but in the present circumstances, in my view, there clearly was. *The occasion, scale and manner of publication of the true statement was such that a strong prima facie case of dominant purpose to injure was made out.* (Tekanan ditambah)

Bagaimana pula kedudukannya jika plaintif memplidkan tort fitnah dan juga tort konspirasi seperti dalam kes ini? Pada hemat saya, jawapannya juga terdapat dalam kes *Gulf Oil* itu di ms 333-334.

> The prospect that this would open the floodgates and reverse the principle applicable in libel actions is, in my view, unreal. *A plaintiff in an action against the author and publisher of a newspaper article, for example, might well establish a combination, but it appears to me that it would only be in the rarest case that sufficient evidence of a dominant purpose to injure could be made out to warrant the grant of interlocutory relief, and I have*

no doubt that the court would scrutinise with the greatest care any case where a cause of action in conspiracy was joined to a cause of action in defamation and would require to be satisfied that such joinder was not merely an attempt to circumvent the rule in defamation. (Tekanan ditambah)

Dari apa yang telah dijelaskan dalam kes *Gulf Oil* itu, dalam pandangan saya, jika plaintif memplidkan tort fitnah dan tort konspirasi seperti dalam kes di hadapan saya ini, prinsip yang sama juga akan dipertimbangkan oleh mahkamah, seperti dalam kes di mana kausa tindakan yang ditimbulkan adalah dalam tort konspirasi sahaja. Tetapi dalam hal ini mahkamah perlu membuat penilaian yang amat teliti dan hendaklah juga berpuashati bahawa kausa tindakan konspirasi itu telah digabungkan dengan kausa tindakan fitnah bukan dengan tujuan untuk mengelakkan prinsip yang terpakai mengenai pemberian injunksi interlokutori yang terpakai dalam kes fitnah, seperti yang telah dihuraikan di bahagian lain dalam penghakiman ini.

Dengan menggunakan prinsip-prinsip undang-undang yang telah dihuraikan itu saya telah menimbangkan dengan teliti pernyataan tuntutan (kandungan 1), saman dalam kamar (kandungan 2), kandungan 2B, afidavit jawapan defendan-defendan (kandungan 12A) dan afidavit Jamdi Nasir (kandungan 20) dan afidavit jawapan II plaintif (kandungan 14).

Dalam kandungan 12A, defendan pertama (dan defendan kedua hingga keenam, melalui defendan pertama) telah mengikrarkan dan menafikan:

(1) bahawa beliau (defendan pertama) telah menuturkan perkataan perkataan seperti yang didakwa oleh plaintif dan menyatakan bahawa plaintif telah tidak memplidkan dan membuktikan perkataan-perkataan tersebut secara verbatim. (Terutama perenggan-perenggan 5, 7, 9, 14 dan 20),

(2) bahawa wujudnya konspirasi di antara beliau dengan defendan-defendan lain untuk memusnahkan reputasi dan kerjaya politik plaintif. (Terutama perenggan-perenggan 10, 12, 14, 15).

Defendan-defendan telah mengikrarkan bahawa beliau akan memplidkan justifikasi dan komen adil sebagai pembelaan (perenggan-perenggan 9, 14 dan 17).

Pada hemat saya dengan apa yang diikrarkan oleh defendan-defendan dalam kandungan 12A itu timbul persoalan tentang pembuktian perkataan-perkataan yang sebenarnya telah dituturkan oleh defendan pertama pada atau sekitar 1 Januari 2004. Persoalan ini amat penting dalam kes ini kerana apa yang dituturkan oleh defendan pertama pada masa yang material itu

adalah punca yang membawa kepada pemfailan tindakan ini. Pentingnya persoalan ini adalah jelas apabila diamati intipati kes plaintif dalam permohohan ini; iaitu, pada masa yang material defendan pertama telah menuturkan kata-kata fitnah terhadap plaintif dan kata-kata fitnah tersebut telah dituturkan dan kemudiannya disiarkan dalam terbitan seperti yang terkandung dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3, dalam satu konspirasi di antara defendan-defendan untuk memusnahkan reputasi dan karier politik plaintif. Sehubungan ini, plaintif mendakwa bahawa perkataan-perkataan yang sama, seperti yang telah dituturkan oleh defendan pertama pada masa yang material itu telah disiarkan sebagai berita seperti dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3.

Pada hemat saya, untuk mewajarkan mahkamah ini mengeluarkan injunksi interlokutori yang dipohon, plaintif perlu membuktikan bahawa tujuan dominant konspirasi, yang didakwa oleh plaintif wujud di antara defendan-defendan, ialah untuk memusnahkan reputasi dan kerjaya politik beliau. Tetapi, sebelum perkara konspirasi itu dapat dibuktikan, plaintif hendaklah terlebih dahulu membuktikan bahawa perkataan-perkataan yang dituturkan oleh defendan pertama, (yang menjadi asas kepada konspirasi yang didakwa itu), adalah bersifat fitnah, dan bahawa perkataan-perkataan sebenar yang dituturkan oleh defendan pertama itu telah disiarkan dengan tepat oleh defendan kedua hingga defendan keenam, seperti yang terdapat dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3.

Untuk membuktikan bahawa perkataan-perkataan yang dituturkan oleh defendan pertama itu bersifat fitnah, beban adalah di atas plaintif untuk membuktikan perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama pada masa yang material. Dalam kes *Worker's Party v. Tay Boon Too* [1975] 1 MLJ, 47 di ms 48 Chua H mengatakan:

> *If the defamatory writing does not exist, and secondary evidence is offered of its contents, the words must be proved and not what the witness conceives to be substance or the effect of them; for otherwise witnesses and not the court or a jury, would be made the judges of what was a libel.*
>
> Here the slander alleged was spoken in Hokkien but the words complained of were set out in English in the amended statement of claim. English is the official language of the court and in that context any other language would be a foreign language. If the slander alleged is in a language other than English it must be set out in the statement of claim in the foreign language precisely as spoken and followed by a literal translation. It is not enough to set out a

translation without setting out the original or *vice versa.* (*Gatley on Libel & Slander*, 7th edn. para. 987). While the absence of a translation in the pleadings may not be fatal to the plaintiff's case the absence of the original words in the foreign languange in question is.

In *Zenobia v. Axtell* the libel was published in a newspaper in the French language. The defendant suffered judgment to go by default and the defendant later moved in arrest of judgment and judgment was arrested on the ground that a translation of the words and not the original French words, was set out in the declaration but the court gave the plaintiff leave to amend his declaration on payment of costs. The words were on the record. In the present case the plaintiff has closed its case with no such evidence on the record.

In Jenkins v. Phillips, an action for slander, the declaration stated thai the defendant said of the plaintiff, "He is a thief, a swindler, and a forger" etc. The words were proved to have been spoken in the Welsh language but were of the same meaning as the English words stated in the declaration. Counsel for the defendant submitted that the Welsh words should have been set out in the declaration and also a translation. Whereupon counsel for the plaintiff applied for leave to amend by inserting the Welsh words in the declaration. The court allowed the amendment on payment of costs.

After the plaintiff has proved the actual words published he must also prove that the translation given in the statement of claim is correct by calling an interpreter sworn as a witness (*Gatley*, para. 1207). (Tekanan ditambah)

Dalam kes tersebut tindakan plaintif telah ditolak oleh mahkamah perbicaraan. Rayuan plaintif ke Mahkamah Rayuan Singapura telah ditolak (lihat *Worker's Party v. Tay Boon Too & Anor* [1975] 2 MLJ 124). Dalam penghakimannya di ms 126, mahkamah tersebut menyatakan:

In our judgment, the trial judge was entitled and indeed was bound to regard the absence of proof of the original or actual words in Hokkien as fatal to the appellant's claim against the first respondent. Law Ah Ta had no recollection whatsoever of the words used in Hokkien and was only able to give evidence of his own translation of the notes he took in Chinese in point form. *The words used must be proved and not what a witness conceives to be the substance and the effect of such words. A witness is bound to give the words used, as far as he could recollect them and then the enquiry would be whether his recollection and accuracy could be trusted, and, whether the words he recollected could be relied upon as giving the material words of the slander (see Rainy v. Bravo).* (Tekanan ditambah)

Dalam kes *Lim Kit Siang v. Datuk Dr. Ling Liong Sik* [1997] 5 MLJ 523, di ms 526-527, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menyatakan:

> It behoves me to echo the principles as laid down in authorities such as *Haris v. Warre* [1879] 4 CPD 125 and *Worker's Party v. Tay Boon Too* [1975] 1 MLJ 47 that the importance of the actual words uttered in the pleadings has always been a recurrent reminder, since in a libel, the words used are the material facts and must therefore be set out in the statement of claim. It is not good to merely describe their substance, purpose or effect. The law requires the very words in the libel to be set out in the declaration in order that the court may judge whether they constitute a ground of action.
>
> Thus in the circumstances of this present application I would be hard put to judge whether the words (as found in the statement of claim attributed to the first defendant) constitute a ground of action – since those words in the report and pleaded in the statement of claim are reported in the third person and are but the product of a journalist's creative skills and reporting only, even if it captures the essence of what the first defendant uttered. This is not sufficient since what is important is not the fact of the first defendant having used defamatory expression but the fact of his having used those defamatory expressions alleged, which is the fact on which the case depends.
>
> In the light of the authorities such as *Haris v. Warre* and *Collin v. Jones* [1955] 2 All ER 145 it is necessary for the plaintiff to plead or allege verbatim the exact words which he complains of.

Dalam permohonan ini, plaintif bergantung sepenuhnya kepada eks. IJ1, IJ2 dan IJ3, iaitu, terbitan-terbitan yang berkenaan sahaja. Plaintif bergantung kepada sumber-sumber itu sahaja. Dalam pandangan saya, keseluruhan perkara-perkara yang telah diikrarkan oleh defendan pertama dalam kandungan 12A, menimbulkan persoalan tentang kekuatan sumber-sumber itu sebagai bukti. Laporan dalam eksibit-eksibit tersebut itu boleh diterima dalam keterangan sebagai kecualian kepada "hearsay rule" berdasarkan kepada "presumption of genuiness" di bawah s. 81 Akta Keterangan 1950. Maknanya, kandungan dalam akhbar-akhbar tersebut dianggap tepat. Tetapi presumption itu adalah presumption yang boleh disangkal (rebuttable). Ini telah dijelaskan oleh Augustine Paul H (pada masa itu) dalam kes *Public Prosecutor v. Datuk Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215, di ms 413:

It is my view that proof of a newspaper report by a person other than by the person who made the speech is rendered admissible as an exception to the hearsay rule by virtue of the presumption of genuineness attached to a newspaper by this section. Pursuant to this presumption, the report is presumed to be accurate, unless rebutted, thereby removing the reasons for which hearsay is excluded. I therefore hold that the newspaper reports tendered by the defence are admissible in evidence to establish the truth of their contents. (Tekanan ditambah)

Dalam perbicaraan *inter partes* ini, dalam kandungan 12A, defendan pertama telah menafikan dakwaan plaintif tentang perkataan-perkataan yang didakwa oleh plaintif. Defendan menyatakan perkataan-perkataan tersebut telah tidak dibuktikan secara verbatim oleh plaintif. Defendan pertama mengikrarkan bahawa plaintif telah gagal untuk mengemukakan teks asal yang didakwa sebagai ucapan beliau secara verbatim. Dalam hal demikian, orang-orang yang didakwa hadir dan mendengar ucapan defendan pertama boleh memberikan keterangan tentang ketepatan perkataan-perkataan tersebut, seperti yang telah dilakukan oleh plaintif berkaitan dengan afidavit dalam kandungan 20. Tetapi mengenai apa yang didakwa telah dituturkan oleh defendan pertama pada atau sekitar 1 Januari 2004 keterangan afidavit dari mana-mana orang sedemikian tidak ada. Pada hemat saya dengan apa yang diikrarkan oleh defendan pertama dalam kandungan 12A, ketepatan kandungan terbitan-terbitan dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3, tanpa sumber-sumber lain yang boleh menyokong atau mempertahankannya, adalah diragukan, goyah dan tidak selamat digunakan untuk membuat keputusan tentang perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama. Tambahan pula dalam proses rantaian proses berita itu di karang, diedit dan seterusnya dicetak dan diterbitkan, kemungkinan apa yang sebenarnya dituturkan oleh defendan pertama telah diubah suai dan ditokok tambah untuk menambah sensasi atau kehangatan kepada laporan itu, tidak dapat diketepikan. (Lihat *Samont N. Balakrisna v. George Fernandez* [1969] 3 SCR 603). Jika diamati dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3, yang menjadi tunggak kes plaintif dalam permohonan *inter partes* ini pun Merdapat perbezaan. Dalam eks. IJ1 – defendan pertama dilaporkan sebagai telah membuat rujukan kepada Program Pembangunan Wang Ehsan (PPWE). Dalam eks. IJ2 – tidak ada apa-apa rujukan dibuat kepada PPWE bagi projek-projek yang dikaitkan dengan plaintif, dan perkataan "memperolehi" telah juga digunakan, selain dari perkataan "membolot".

Manakala dalam IJ3 pula, tidak ada rujukan kepada PPWE dan bagi projek-projek yang dikaitkan dengan plaintif perkataan "memperolehi" juga telah digunakan. Dalam keadaan sedemikian, dalam konteks persoalan tentang apakah perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama, timbul pula persoalan-persoalan yang lebih spesifik: Adakah defendan pertama telah menggunakan perkataan "membolot" atau "memperolehi"? Bagaimana dan dalam konteks apa perkataan "membolot" atau "memperolehi" telah digunakan oleh defendan pertama? Adakah dalam menggunakan perkataan "membolot" atau "memperolehi", defendan pertama telah juga mengaitkannya dengan PPWE seperti yang dilaporkan dalam eks. IJ1? Jika jawapannya "ya" bagaimana sebenarnya defendan pertama membuat rujukan kepada PPWE itu? Atau adakah penggunaan perkataan "bolot" dan "membolot" dan rujukan kepada PPWE itu adalah elemen yang ditokok tambah sendiri oleh orang terakhir yang bertanggungjawab dalam proses pengarangan, percetakan dan penyiaran berita yang dilaporkan dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3? Persoalan mengenai rujukan kepada PPWE ini timbul kerana seperti yang telah ditegaskan, laporan dalam eks. IJ2 dan IJ3 tidak membuat rujukan tentang PPWE. Penggunaan perkataan "membolot" atau "memperolehi" atau perkataan yang lain dari keluarga yang sama, dan dalam konteks bagaimana perkataan tersebut telah sebenarnya digunakan oleh defendan pertama, boleh membawa makna yang nyata atau tersirat yang amat berlainan, lantas membawa implikasi yang berlainan dari apa yang didakwa oleh plaintif. "Bolot", "membolot" bererti memenangi, menggondol, memperolehi (*Kamus Dewan*, ms 129 Cetakan Pertama 1970). Manakala "memperoleh", "memperolehi" bererti mendapat (mencapai, menjumpai, menemui dan lain-lain) dengan ikhtiar (*Kamus Dewan* ms 782, cetakan pertama 1970). Walaupun kedua-dua perkataan itu adalah dari kumpulan perkataan-perkataan yang hampir serupa maknanya, perkataan "membolot" adalah lebih kesat dan keras bunyinya dan biasanya digunakan untuk menyampaikan makna yang kesat dan kasar juga. Sedangkan perkataan "memperolehi" lebih ringan bunyinya, dan sering digunakan untuk menyampaikan makna yang positif. Sehubungan ini, dalam kandungan 2B (eks. IJ6) pun memang ada bukti bahawa bagi projek 3 buah sekolah yang dinyatakan dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3 dan sekolah kebangsaan Tanjung Gelang, Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu (bernilai RM3,840,186) tender yang dikemukakan oleh Syarikat Jusoh Enterprise Sdn. Bhd. telah diterima. Bagi projek Sekolah Menengah Tanjung Gelam, dalam kandungan 2B, plaintif telah tidak mengemukakan apa-apa surat persetujuan terima tender. Ini bererti berdasarkan kepada keterangan plaintif sendiri memang benar Syarikat Jusoh Enterprise Sdn Bhd memperolehi 4 projek sekolah itu. Menurut keterangan plaintif sendiri jumlah nilai keempat-empat projek

tersebut adalah RM38,408,371.50. Tidak ada apa salahnya bagi Jusoh Enterprise Sdn Bhd memperolehi projek-projek tersebut, kerana menurut keterangan plaintif pemberian projek-projek tersebut telah dibuat melalui proses tender yang sah disisi undang-undang. Pada hemat saya jika perkataan-perkataan sebenarnya yang telah dituturkan oleh defendan pertama hanyalah bahawa Jusoh Enterprise Sdn Bhd memperolehi 4 projek-projek sekolah bernilai RM38 juta, berdasarkan kepada keterangan plaintif sendiri, itu adalah suatu pernyataan yang benar. Selanjutnya keterangan plaintif sendiri menunjukkan bahawa itu adalah syarikat keluarga plaintif sejak ianya ditubuhkan dan plaintif adalah pemegang saham minoriti dalam syarikat itu. Ini juga berdasarkan kepada keterangan plaintif bukanlah suatu kesalahan dari segi undang-undang. Maka, jika apa yang telah dituturkan oleh defendan pertama hanyalah sekadar bahawa Dato' Idris Jusoh memperolehi projek-projek bernilai RM38,000,000 melalui Jusoh Enterprise Sdn Bhd, tidaklah dapat dikatakan bahawa. defendan pertama telah menyatakan sesuatu yang tidak betul, dalam erti kata Jusoh Enterprise Sdn Bhd adalah Syarikat keluarga plaintif dan dia adalah pemegang saham minoriti di dalamnya. Tetapi, dalam dua situasi. hypothetical tadi, jika defendan pertama telah menokok tambah apa yang telah dikatakan dalam dua situasi tersebut dengan perkataan-perkataan lain atau mewarnainya dengan ungkapan-ungkapan yang lain, maka apa yang dituturkan itu boleh jadi tidak benar lagi dan betul bersifat fitnah, bergantung kepada apa perkataan-perkataan tambahan yang telah digunakan dan dalam konteks bagaimana perkataan-perkataan tersebut telah digunakan. Begitu juga halnya jika perkataan-perkataan yang telah digunakan oleh defendan pertama ialah "bolot" atau "membolot". Perkataan itu lebih mudah menimbulkan imputasi yang tidak baik terhadap plaintif dan lebih mudah bersifat fitnah, bergantung kepada bagaimana, dalam konteks dan suasana apa perkataan itu telah digunakan. Tetapi soalnya apakah perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama pada masa yang material itu. Pada hemat saya, ini telah tidak dibuktikan oleh plaintif.

Intipati kes plaintif yang menjadi asas kepada permohonan ini ialah; defendan pertama telah menuturkan kata-kata fitnah terhadap beliau dan kata-kata fitnah itu telah dituturkan dan disiarkan seperti dalam eks. IJ1, IJ2 dan IJ3 dalam konspirasi di antara defendan-defendan yang tujuannya ialah untuk memusnahkan reputasi dan karier politik plaintif. Perkara asas kepada permohonan plaintif ialah pembuktian mengenai perkataan-perkataan sebenar yang telah dituturkan oleh defendan pertama. Dalam penghakiman saya, jika perkara asas ini telah tidak dibuktikan atau diragukan, atau goyah kedudukannya dan tidak selamat digunakan, maka mahkamah ini tidak dapat

membuat kesimpulan bahawa terdapat cukup bukti untuk menunjukkan bahawa terdapat konspirasi di antara defendan-defendan dan bahawa tujuan dominant konspirasi itu ialah untuk memusnahkan reputasi dan kerjaya politik plaintif.

Bagi kausa tindakan fitnah juga, oleh kerana perkara asas tadi, (ketepatan kandungan eks-eks. IJ1, IJ2 dan IJ3) tidak dibuktikan atau diragukan atau goyah kedudukannya dan tidak selamat digunakan, mahkamah ini tidak dapat membuat kesimpulan bahawa berdasarkan kepada keterangan yang ada di hadapannya, perkataan-perkataan yang didakwa adalah jelas tidak benar (obviously untrue). Atas alasan yang sama juga, mahkamah, ini tidak dapat membuat kesimpulan bahawa pembelaan defendan akan gagal.

Atas alasan-alasan yang telah dihuraikan permohonan plaintif dalam perbicaraan *inter partes* ini untuk mendapatkan injunksi interlokutori ditolak dengan kos.